

181 penduduk di Hilir Perak terpaksa dipindahkan

Hujan selama 11 jam punca banjir

Oleh AIN SAFRE BIDIN
berita@kosmo.com.my

TELUK INTAN – Hujan selama hampir 11 jam sejak petang kelmarin menyebabkan beberapa perkampungan di sekitar daerah Hilir Perak dinaiki air awal pagi semalam sehingga memaksa 181 penduduk berpindah ke pusat penempatan sementara.

Antara kawasan yang dinaiki air ialah Sungai Manik, Labu Kubong, Chenderong Balai, Langkap, Kampung Ayer Hitam, Kampung SC, Kampung Kayu Ara dan Kampung Tengah dekat sini.

Sebahagian daripada penduduk dipindahkan lewat malam kelmarin ekoran paras air naik mencecah lebih satu meter manakala selebihnya berpindah pagi semalam.

Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Manik, Datuk Zainol Fadzi Paharuddin memberitahu, setakat ini 181 penduduk melibatkan 51 keluarga dipindahkan ke Dewan Orang Ramai Kampung Ayer Hitam.

Beliau berkata, walaupun cuaca



SEORANG penduduk, Kharul Zaman menolak motosikal di pekarangan rumahnya yang dinaiki air di Kampung Kayu Ara, Teluk Intan, semalam.

ca beransur baik pagi semalam, penduduk terlibat dinasihatkan supaya terus tinggal di pusat penempatan banjir bagi menunggu air surut sepenuhnya.

“Pada masa ini kita sentiasa memantau jika masih ada keluarga yang perlu dipindahkan.

“Keadaan cuaca masih tidak

menentu dan lebih baik mereka tinggal di pusat penempatan memandangkan hujan lebat boleh melanda pada bila-bila masa,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Zainol Fadzi yang juga Pengerusi Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan Perak memberi-



BEBERAPA penduduk dipindahkan menggunakan bot selepas banjir melanda Kampung Batu 7, Jalan Changkat Jong semalam.

tahu, Jabatan Kemajuan Masyarakat, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, Pejabat Daerah Teluk Intan dan polis sudah digerakkan bagi membantu mangsa banjir.

Dalam pada itu, mangsa banjir di Kampung Kayu Ara, Kharul Zaman, 62, berkata, keluarganya

berpindah ke pusat penempatan banjir selepas rumah mereka dinaiki air mencecah 1.5 meter.

“Kami hanya sempat menyelamatkan beberapa barangan penting manakala perabot dan peralatan elektrik banyak yang rosak kerana ditenggelami air,” katanya.